



JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
(Bahagian Khidmat Pengurusan)
Aras 4, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar, 80990 JOHOR BAHRU.
Telefon: 07-2076333 Faks: 07-2076325



MEMO

Rujukan Kami:	JAINJ.KP.050.501/2 (17) Tarikh: 14 September 2026 bersamaan 02 Rabiulakhir 1448H
KEPADA	Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Khidmat Pengurusan Penolong Pegawai Tadbir, Bahagian Khidmat Pengurusan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Unit ICT Jabatan Agama Islam Negeri Johor
DARIPADA	Penolong Pengarah, Unit Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan
PERKARA	Iklan Kekosongan Jawatan Bertaraf Kontrak Di Jabatan Agama Islam Negeri Johor

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Tuan,

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan iklan pengisian jawatan bertaraf Kontrak di Jabatan Agama Islam Negeri Johor bagi jawatan berikut.

3. Pihak tuan adalah dipohon untuk memuat naik iklan tersebut di portal rasmi jabatan, Facebook rasmi jabatan dan membuat paparan di papan kenyataan jabatan.

Bil	Nama Jawatan & Gred	Jumlah Kekosongan	Tarikh Buka Iklan	Tarikh Tutup Iklan
1	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S9 (Pentafsir Al-Quran)	6 Kekosongan	17 September 2026	01 Oktober 2026

4. Semoga perkara ini mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak tuan. Kerjasama yang diberi amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(NUR HANIS SYUHADA BINTI MOHD ROSLI)

Penolong Pengarah,
Unit Pengurusan Sumber Manusia,
Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

NHSMR/AS/UNITPSMBKP/iklanjainj

BACA IKLAN DI BAWAH SEBELUM
MENGISI BORANG PERMOHONAN



**IKLAN JAWATAN KOSONG
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
TAHUN 2026**

Jabatan Agama Islam Negeri Johor mempelawa Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim yang berminat dan berkecenderungan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut :-

SKIM PERKHIDMATAN	:	PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM (PENTAFSIR AL-QURAN)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	SOSIAL
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
GRED JAWATAN	:	S9

JADUAL GAJI

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,250.00	RM11,110.00	RM225.00

JUMLAH KEKOSONGAN : ENAM (6) KEKOSONGAN

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (i) memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM2,250.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM2,470.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Mengetuai satu unit kecil / pasukan kerja dalam Pengurusan dan Pengimarahannya Masjid, Pelaksanaan Program di Akademi Al-Quran serta Pengurusan Tanah Perkuburan.

SKOP DAN BIDANG TUGAS

1. Bertanggungjawab Mengadakan Kelas Pengajian Tafsir Al-Quran.
2. Bertanggungjawab Menyediakan Risalah Tafsir Al-Quran mingguan.
3. Menyediakan Khutbah Jumaat yang dibaca oleh Imam-Imam di Negeri Johor melalui Bengkel Penyediaan Khutbah.
4. Memantau Program dan menyemak laporan Unit Perkuburan di Peringkat Daerah Negeri Johor.
5. Bertanggungjawab dalam Pengurusan Hal Ehwal Masjid Kerajaan Peringkat Negeri dan Daerah berjumlah 29 buah Masjid Kerajaan Negeri, Majlis Keagamaan di Istana dan Makam-Makam DiRaja.
6. Bertanggungjawab dalam Pengurusan Program Pengajian dan Pengurusan Al-Quran di Akademi Al-Quran meliputi kelas mengaji Al-Quran, kelas Tahsin Guru-Guru Al-Quran, pengurusan tauliah guru Al-Quran, pengurusan elaun guru Al-Quran, Mentor-Mentor Maqamat Rawi Berzanji dan Tenaga Pengajar Pusat Pengajian Al-Quran Daerah, pengurusan sijil khatam Al-Quran dan lain-lain program baharu terutama di atas talian.
7. Bertanggungjawab dalam Pengurusan Program Menghafaz Al-Quran meliputi kelas menghafaz Al-Quran, Pengurusan Peruntukan Elaun Galakan Menghafaz Al-Quran Negeri Johor dan program Akademi Huffaz bagi tujuan pengiktirafan gelaran Al-Hafiz oleh MAIJ dan sebagainya.
8. Bertanggungjawab dalam Pengurusan Program Tarannum Qari dan Qariah yang meliputi Latihan peserta tilawah Al-Quran dan Menghafaz Al-Quran peringkat Daerah, Negeri dan Kebangsaan, Pengurusan Bakat Qari dan Qariah Negeri Johor di Akademi Al-Quran Negeri Johor dan kursus tarannum untuk Pegawai-Pegawai Masjid dan lain-lain program baharu yang akan diperkenalkan.
9. Bertanggungjawab dalam Program Pengajian Kitab Thurath dan Tafsir yang meliputi pengajian kitab-kitab thurath dan tafsir bersumberkan aliran akidah al-asyairah dan al maturidiyah, mazhab syafie dan tasawuf Imam Junaid Al-Baghdadi dan Imam Al-Ghazali merangkumi pengajian bersijil peringkat asas dan peringkat pertengahan dengan sasaran utama untuk masyarakat awam sama ada secara bersemuka atau secara atas talian.
10. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA-CARA MEMOHON

1. Permohonan jawatan hendaklah dikemukakan secara **atas talian** melalui **Sistem Permohonan Perjawatan Kontrak Negeri Johor** di pautan <https://jawatan.johor.gov.my>
2. Pemohon dikehendaki mengisi maklumat dengan lengkap dan memuat naik dokumen sokongan semasa memohon jawatan. Permohonan yang tidak lengkap akan **DITOLAK**. Dokumen sokongan yang dimuat naik hendaklah dengan **SALINAN DIAKUI SAH** sebagaimana berikut :-
 - i) *Resume* terkini
 - ii) Gambar berukuran passport
 - iii) Salinan Kad Pengenalan
 - iv) Salinan Sijil Kelahiran
 - v) Sijil Berhenti Sekolah (Terakhir)
 - vi) Salinan SRP/PMR/PT3
 - vii) Salinan SPM/SPMV
 - viii) Salinan SVM/SKM Tahap 3/SKM Tahap 2 (jika berkaitan)
 - ix) Salinan Sijil Diploma (jika berkaitan)
 - x) Salinan Sijil Akademik dan kelayakan yang berkaitan
 - xi) Salinan semakan pengiktirafan kelayakan pendidikan dari JPA melalui pautan <https://www.2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (MQA) bagi (Sijil/Diploma/Ijazah)
3. Pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan disertakan dengan Borang Laporan Penilaian *My Performance* tiga (3) tahun berturut-turut dan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
4. Hanya pemohon yang berkelayakan dan melepasi tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
5. Pemohon adalah **diwajibkan** mencetak Borang Permohonan daripada sistem bagi kegunaan temuduga.
6. Pemohon hendaklah memastikan emel yang didaftarkan adalah aktif.
7. Pemohon hendaklah sentiasa menyemak peti *inbox* emel termasuk *spam* dan *junk* bagi keputusan permohonan jawatan.
8. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **3 bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
9. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

10. Sebarang pertanyaan berkaitan sistem <https://jawatan.johor.gov.my> pihak tuan / puan boleh terus hubungi pihak ICT Johor ditalian 07 266 6660

TARIKH BUKA PERMOHONAN PADA : 17 SEPTEMBER 2026

TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA : 01 OKTOBER 2026

**PENGARAH,
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,
ARAS 4, BLOK A, PUSAT ISLAM ISKANDAR JOHOR,
JALAN MASJID ABU BAKAR,
80990 JOHOR BAHRU, JOHOR**